

**PEMBENTUKAN KELUARGA YANG BAHAGIA.: CARA MEMBUAT
KEPUTUSAN DAN CARA MENGATASI MASALAH
UNTUK KECEMERLANGAN KELUARGA**

**Oleh:
PROF. MADYA DR. AZIZI HJ. YAHAYA
Pensyarah Psikologi Pendidikan
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia
Skudai Johor**


Pengenalan

Manusia dilahirkan dan dibesarkan dalam keluarga yang tertentu. Sebagai sebuah institusi sosial yang asas, keluarga mempunyai pengaruh dalam mewujudkan dan membentuk satu masyarakat penyayang di mana ahli-ahli komuniti berhubung rapat antara satu dengan lain secara kualitatif, bersimpati antara satu sama lain serta peka dan bertanggung jawab ke atas kesejahteraan dan keperluan ahli-ahlinya. Untuk mewujudkan suasana keluarga yang positif dan kondusif, tunjukkan kasih sayang dan wujudkan interaksi yang sihat di kalangan ahli keluarga.

A PEMBENTUKAN PERHUBUNGAN KELUARGA YANG BAIK

Pada umumnya terdapat empat jenis hubungan yang baik dan perlu ada dalam sesebuah keluarga iaitu

- Hubungan suami dengan isteri (ibu dan bapa)
- Hubungan ayah dengan anak.
- Hubungan ibu dengan anak.
- Hubungan antara adik beradik.



1. HUBUNGAN IBU DENGAN BAPA/ SUAMI ISTERI

Suami isteri perlulah cuba mewujudkan kemesraan di dalam hubungannya. Mereka merasakan bahawa sebahagian daripada hak, kehendak dan kebebasan masing-masing perlu diketepikan supaya dapat hidup dengan lebih sempurna dengan pasangan mereka. Menerima hakikat bahawa perkongsian kehidupan sebagai suami isteri perlukan pengorbanan tanpa menjejaskan secara total kebebasan dan pengenalan seseorang suami atau isteri itu.

Masing-masing mempunyai tugas masing-masing di dalam dan di luar keluarga seperti dalam kerjaya dan tanggungjawab terhadap keluarga asal kedua-dua pihak. Kehidupan yang baik bukan sahaja bergantung kepada apa yang berlaku di dalam rumah tangga tetapi juga bergantung kepada perhubungan yang sihat dengan masyarakat luar.

2. HUBUNGAN IBU DAN ANAK

Allah telah mencipta kaum wanita untuk melahirkan anak. Justeru itu konsep-konsep 'wanita', 'ibu' dan 'anak' biasanya dikaitkan secara automatik bukan sahaja oleh kaum lelaki tetapi kaum wanita itu sendiri. Penekanan kepada peranan ibu dalam mendidik dan menjaga anak adalah munasabah memandangkan jumlah masa dan tenaga yang dihabiskan oleh kaum wanita atau ibu dalam perhubungannya dengan anak. Hakikat bahawa semakin ramai ibu bekerja di luar rumah pun tidak banyak mengubah pola perhubungan ini oleh kerana mereka masih lagi memainkan peranan yang lebih aktif di dalam penjagaan anaknya, bila dibandingkan dengan seorang bapa semasa mereka berada di rumah.

3. HUBUNGAN BAPA DENGAN ANAK

Bapa memainkan peranan penting juga dalam sesebuah keluarga. Menurut satu kajian di negara barat, ketidakhadiran bapa untuk masa yang panjang dapat menjejaskan prestasi persekolahan kanak-kanak, terutama sekali jika ibu mereka tidak dapat memainkan peranan yang lebih berkesan sebagai ibu dan juga bapa kepada anak-anak. Ketiadaan bapa untuk jangka masa yang panjang menimbulkan kesan yang lebih kepada kanak-kanak lelaki daripada anak perempuan, seperti di dalam aspek persekolahan.

Dalam suasana sekarang peranan seorang bapa perlu membantu dalam menyediakan makanan, pakaian serta menidurkan anak-anaknya terutama sekiranya isterinya juga bekerja. Ini menyebabkan hubungan bapa dengan anak di zaman moden ini adalah lebih baik.

4. HUBUNGAN ADIK BERADIK

Hubungan antara adik beradik juga adalah penting kerana ini mewujudkan satu suasana keluarga yang lebih harmoni dan ceria. Jika seseorang itu merupakan anak tunggal, dia akan merasa lebih sunyi dan lebih mementingkan diri sendiri jika dibandingkan dengan mereka yang mempunyai adik beradik yang ramai. Tidak secara langsung mereka belajar untuk berada dalam satu kelompok masyarakat yang kecil. Dari situ mereka belajar untuk bantu-membantu, kerjasama, hormat-menghormati, bertolak ansur dan sebagainya.

Terdapat beberapa langkah bagi membentuk perhubungan yang baik dalam satu keluarga.

Di antaranya ialah:

1. Kekuatan ilmu

Hubungan baik dalam keluarga hanya boleh dibina melalui kekuatan ilmu. Ilmulah yang akan mempertingkatkan kualiti kehidupan berkeluarga sebab dengan ilmu seseorang dapat membezakan antara yang baik dengan yang buruk, yang canggih dengan yang primitif, penawar atau propaganda, bermanfaat atau berbahaya. Ilmu bagi institusi keluarga sama halnya dengan cahaya bagi mata. Mata tidak berfaedah tanpa cahaya manakala institusi keluarga pula tidak dapat berkembang tanpa memiliki pengetahuan kekeluargaan atau keibubapaan.

Kekeruhan suasana dalam kehidupan berkeluarga biasanya berpunca daripada masalah kurangnya ilmu dan kemahiran di kalangan mereka untuk menangani kehidupan keluarga. Tugas keibubapaan bukan sahaja mengajar kita mengenai penyempurnaan tugas harian sebagai suami isteri atau ibu bapa tetapi yang penting daripada itu ialah peranan asasi setiap anggota keluarga menjadi agen pembinaan keperibadian yang sempurna di kalangan ahli keluarga khususnya anak-anak.

Oleh itu setiap ibu bapa perlu memperoleh ilmu tentang ciri-ciri keluarga bahagia, ilmu pengurusan keluarga, fungsi keluarga, matlamat dan kaedah pemeliharaan anak, kaedah pendidikan kanak-kanak, corak kawalan dan disiplin keluarga. Terapkan minat terhadap menuntut ilmu dalam rumah tangga. Contohnya wujudkan budaya membaca dengan dimulakan oleh ibu bapa. Wujudkan perpustakaan keluarga dengan menggunakannya sekerap mungkin.

2. Kemahiran komunikasi

Satu punca utama tidak ada hubungan yang baik di dalam keluarga adalah kerana kegagalan ahli keluarga untuk mewujudkan komunikasi yang berkesan. Semasa berkomunikasi, kita perlu menyampaikan mesej secara terus terang. Apa yang kita perkatakan adalah sama penting dengan cara kita berkomunikasi.

Contohnya antara ibu atau bapa yang konstruktif dapat melahirkan pendapat, pendirian dan keinginannya kepada ahli keluarga dengan berkesan. Untuk menjadi pengucap yang berkesan, seseorang itu perlu memahami diri sendiri, memahami pendengar, dan memahami konteks komunikasi itu dibuat. Gunakan bahasa atau perkataan yang positif dan baik apabila berbicara dengan anak-anak atau sesama ahli keluarga.

3. Keterampilan Pengurusan

Falsafah pengurusan keluarga mestilah dibentuk berasaskan ciri-ciri yang positif seperti nilai murni, pintar cerdas, dan kebijaksanaan bertindak. Manusia di amanahkan untuk menguruskan institusi keluarga dengan sebaik-baiknya. Dalam amanah itu sendiri terkandung risalah mengenai perhubungan manusia dengan manusia iaitu setiap insan perlu menyuruh dirinya dan orang lain berbuat kebaikan dan mencegah melakukan kemungkar. Amalan “cakap tidak serupa bikin” atau “seperti ketam menyuruh

anaknya berjalan betul” boleh melemahkan kebolehan ibu atau bapa untuk menguruskan keluarga dengan berkesan.

Keluarga perlu dibina di atas dasar amal makruf iaitu pergaulan dan kehidupan bersama secara rukun dan damai, toleransi, sabar, sentiasa memberi kemaafan dan tabah

menghadapi cabaran hidup. Selain itu perlulah sentiasa menyerlahkan kebolehan dan bakat setiap ahli keluarga. Penyuburan bakat amat penting untuk anak-anak merasai dirinya disokong oleh kedua-dua orang tuanya.

4. Kecekapan Perbelanjaan

Pembentukan perhubungan keluarga yang baik juga perlulah tidak segan untuk membincang secara terbuka tentang sumber kewangan dan cara penggunaan wang dalam keluarga. Setiap ahli keluarga mesti bekerja dengan penuh dedikasi untuk menjamin kebahagiaan keluarga. Mereka tidak seharusnya menganggap kerja tersebut sebagai kerja sampingan sahaja tetapi sebagai tanggungjawab yang mesti dilakukan dengan penuh komitmen.

Ibu bapa perlu memberi perhatian yang teliti terhadap cara penggunaan wang dalam keluarga. Dalam konteks ini, suami isteri perlu bertimbang rasa dan tidak boros. Biarpun pendapatan mereka bertambah, ekonomi keluarga tidak akan membangun jika pemborosan berjalan terus. Tabiat dan gelagat suami, isteri, atau anak-anak dalam perbelanjaan wang perlu diawasi kerana tabiat boros memberi kesan negatif kepada kesejahteraan keluarga.

Sumber kewangan merupakan satu aspek penting bagi membina dan mengekalkan perhubungan yang positif dalam pembangunan keluarga. Jika tidak ada perkongsian dan persetujuan tentang bagaimana wang patut digunakan, semangat kemesraan dalam keluarga akan terjejas. Ini kerana kedudukan ekonomi keluarga yang tidak tetap dan krisis kewangan boleh membawa kepada pergaduhan antara ahli keluarga.

5. Aktiviti Keluarga

Ibu bapa perlu menentukan keutamaan dalam aktiviti hidup dan menetapkan masa yang khusus untuk aktiviti bersama-sama keluarga. Perancangan bagi menggunakan masa lapang perlu dibuat secara bersama-sama tanpa mengongkong matlamat dan keputusan. Dalam masa yang sama, ibu bapa perlu sedar bahawa ahli keluarga mempunyai hak untuk menggunakan masa mengikut budi bicara masing-masing.

Ibu bapa perlu memberitahu anak-anak bahawa mereka sentiasa boleh dihubungi. Perhubungan antara ahli keluarga akan menjadi bertambah baik dan erat sekiranya terdapat masa yang khusus bagi mereka melibatkan diri secara bersama-sama dalam kegiatan rekreasi atau riadah. Kegiatan rekreasi yang menyeronokkan dapat mengurangkan salah faham dan ketegangan yang mungkin timbul antara ahli keluarga.

6. Pentadbiran Keluarga

Tugas mentadbirkan rumah tangga bukan terletak di atas bahu suami atau isteri sahaja, tetapi setiap ahli keluarga perlu bekerjasama menjalankan kerja tersebut. Keluarga yang mempunyai hubungan yang baik akan mengamalkan usaha kolektif dalam menjalankan kerja-kerja rumah. Di bawah kepimpinan bapa, ahli keluarga menentukan tugas dalam keluarga dan membentuk rancangan bagi melaksanakan tugas tersebut.

Untuk menentukan bahawa kehidupan berkeluarga berjalan licin, setiap ahli keluarga perlu diberi peranan tertentu untuk dipertanggungjawabkan. Setiap ahli dalam keluarga memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing ke arah mewujudkan perhubungan yang baik. Jika terdapat lebih seorang anak, setiap anak perlu diberi

peranan yang agak berbeza mengikut kebolehan masing-masing. Jadi tabiat sentiasa belajar daripada kesalahan membolehkan ahli keluarga menjalankan tugas masing-masing dengan berkesan.

7. Kasih Sayang dan Hormat Menghormati

Yakini 'Keluargaku Syurgaku'. Terapkan slogan ini dalam pemikiran setiap ahli keluarga. Perasaan cinta, kasih dan sayang antara satu sama lain akan terjalin dengan sendiri jika slogan ini diamalkan dalam keluarga. Ibu bapa sendiri dahulu perlu membentuk budi pekerti yang baik akhirnya akan menyebabkan anak-anak akan menghormati antara satu dengan yang lain kerana anak-anak mudah terpengaruh dengan tingkah laku mereka.

8. Pendidikan Agama

Pendidikan agama dalam segenap kehidupan berkeluarga merupakan faktor utama dalam pentadbiran rumah tangga. Islam meletakkan suami sebagai bapa dan pemimpin utama untuk memimpin setiap ahli keluarga ke jalan yang baik dan direcai Allah. Jika mereka jahil dan tidak mengetahui selok-belok agama maka keluarga yang dipimpin juga akan menghadapi masalah.

Kebelakangan ini pelbagai masalah sering melanda masyarakat negara ini terutamanya golongan remaja. Pengaruh luar terutamanya budaya barat menyebabkan terjadinya keruntuhan akhlak di kalangan muda-mudi seperti penyalahgunaan dadah, lari dari rumah, kehamilan di luar nikah, masalah lepak dan seumpamanya. Memandangkan masalah-masalah tersebut maka pendidikan akhlak bagi setiap ahli keluarga perlu diterapkan di dalam jiwa mereka. Pendidikan akhlak yang betul diberikan kepada anak-anak pastinya menjadikan mereka insan yang berguna serta dapat berbakti kepada keluarga dan seterusnya agama, bangsa dan negara.

2.1 CARA MEMBUAT KEPUTUSAN.

Alat-alat yang digunakan untuk membantu dalam mengambil keputusan berbagai bentuk. Tetapi ada beberapa formula dasar yang boleh digunakan "pembuat-pembuat keputusan individu yang baik, antaranya ialah:

1. Janganlah membuat keputusan yang seharusnya dilakukan oleh orang lain.
2. Janganlah mengambil keputusan sebelum anda mempunyai fakta yang cukup.
3. Jika anda sudah mempunyai fakta yang cukup dan mempunyai hak untuk mengambil keputusan, putuslah dengan segera. Janganlah ditunda-tunda lagi.
4. Janganlah mencari alasan-alasan lagi jika kebetulan keputusan anda keliru. Jadikan hal ini pengalaman untuk masa akan datang.
5. Milikilah kepercayaan pada diri sendiri, pada kemampuan anda untuk mengambil keputusan.

Berikut adalah beberapa hal-hal kecil atau yang khusus yang tidak kita sedari pada hal kadang-kadang mempengaruhi keputusan kita.

1. Mengambil keputusan tentang sesuatu hal pada hal anda masih memikirkan hal-hal lainnya.
2. Mengambil keputusan ketika perasaan anda kurang enak.
3. Mengambil keputusan ketika anda sedang dalam keadaan terlalu banyak minum minuman keras.

4. Mengambil keputusan hanya untuk memberi kesan pada orang lain atau untuk memamerkan bahawa anda mempunyai kuasa (authority).
Cadangan terakhir ingatlah keputusan-keputusan yang pernah anda ambil, sama ada yang baik atau buruk dan penggunaan untuk mengembangkan kemampuan anda membuat keputusan yang baik di masa akan datang.

2.2 CARA MENGATASI MASALAH KELUARGA.

Semua orang menghadapi masalah kerana masalah yang wujud adalah sebahagian daripada lumrah kehidupan. Begitu juga dengan hidup berumah tangga antara suami, isteri serta anggota-anggota yang lain dari sesuatu keluarga. Namun ia bergantung kepada kecil atau besar manakah masalah yang berlaku. Dalam pada itu jalan penyelesaiannya pula bergantung kepada pengetahuan, strategi, kemahiran, pengalaman dan kebolehan setiap individu dalam menangani masalah tersebut

Kadangkala kreativiti perlu diwujudkan dalam rumah tangga bagi menambahkan keharmonian berkeluarga. Sebagai contoh, isteri dengan pengetahuan yang ada boleh menciptakan masakan yang baru walaupun dengan bahan sayuran atau lauk-pauk yang sama. Hal ini boleh mengubah selera suami dan anak-anak. Penyusunan alatan rumah termasuk perabot, pinggan-mangkuk, perhiasan, gambar-gambar dan sebagainya amat perlu agar ia kelihatan menarik, tidak membosankan dan akan mencerikan lagi suasana.

Tidak dinafikan, langkah pertama untuk mendidik anak-anak menjadi cemerlang adalah dengan menjadi ibu bapa yang cemerlang. Ibu dan bapa atau penjaga perlu dibimbing dan dipupuk setiap masa sebelum menjadi pemimpin, ketua keluarga atau pengurus rumah tangga, dan akhirnya menjadi insan yang bertanggungjawab kepada diri, keluarga, agama dan bangsa.

Masalah dalam keluarga juga dapat diatasi dengan adanya sikap bertoleransi dan kemahuan untuk berbaik-baik antara suami-isteri. Hal ini perlu bagi mengurangkan ketegangan ke atas isu atau masalah yang berlaku. Dengan adanya kesatuan pandangan dan pendapat, maka akan lahir kesatuan dan keserasian dalam fikiran dan tindakan. Di samping itu label yang positif dan optimistik boleh mempengaruhi perlakuan dan prestasi ibu bapa. Label-label yang negatif perlu diketepikan dengan menggantikan dengan label-label yang positif dan merangsang. Ungkapan di bawah dapat menggambarkan perilaku dan sifat anda;

“Hati-hati dengan pemikiran anda, ia akan menjadi percakapan anda. Hati-hati dengan percakapan anda, ia akan menjadi perbuatan anda. Hati-hati dengan perbuatan anda, ia akan menjadi keterbiasaan anda. Hati-hati dengan keterbiasaan anda, ia akan menjadi sifat anda.”

Perubahan dan perkembangan yang berlaku di tempat kerja perlu disesuaikan oleh suami untuk pertahankan kedudukan dalam pekerjaannya dan tempatnya dalam masyarakat. Perubahan dan perkembangan yang dialami oleh isteri di dalam rumah lebih statik seolah-olah hanya dipengaruhi oleh persekitaran rumah dan anak-anak sahaja. Jurang perbezaan yang tinggi akan menyebabkan tidak terbentuknya kerasian hidup dan bermulalah proses keruntuhan keluarga. Oleh itu perlu bagi suami untuk menarik perhatian isteri bagi mengikuti setiap perubahan dan perkembangan yang berlaku di luar.

Selain dari itu, ketegangan dalam rumah tangga boleh dikurangkan dengan memilih atau menentukan waktu-waktu tertentu yang lebih khusus untuk berbual-bual, mengadakan perbincangan sambil bertukar-tukar pengalaman. Mungkin juga bagi menyatakan kekesalan yang dialami dalam suasana kerja suami di pejabat dan sebagainya.

Program riadah, atau bersantai suami-isteri di tempat-tempat tertentu yang sesuai seperti tempat perkelahan dan pusat-pusat rekreasi amat perlu untuk mewujudkan ketenangan, kepuasan dan mengendurkan ketegangan setelah penat atau bosan dalam menguruskan rumah tangga, di samping dapat mencetuskan kesegaran bersama.

Di samping itu suami-isteri bersama-sama mencari jalan penyelesaian di atas sebarang permasalahan yang timbul. Mereka hendaklah saling memberi dan boleh menerima pandangan atau pendapat antara satu sama lain. Apabila ke dua-dua belah pihak boleh menghayati perlakuan emosi pasangan maka akan tercetuslah suasana yang lebih harmoni dan bertambah pula suasana kasih sayang. Sebaiknya jangan bertengkar atau bergaduh di depan anak-anak, orang gaji dan adik-beradik atau ipar-duai kerana perbuatan itu akan mencetuskan pelbagai masalah lain; kita mungkin berbohong kerana tidak mahu mengaku perkara yang sebenar kerana perbuatan itu boleh memalukan diri kita sendiri. Sebagai contoh, kita memang pergi berjumpa bomoh, tetapi kita tidak mengaku kerana malu. Selain daripada itu kita mungkin menggunakan cara-cara yang tidak adil dan negatif semata-mata untuk menang dalam pertengkaran, bukan demi untuk menyelesaikan masalah yang ada. Sebagai contoh kita sanggup menghentam sifat-sifat peribadinya, demi menegakkan benang basah dengan menjatuhkan air muka pasangan kita, asalkan air muka kita sendiri tidak jatuh.

Pasangan juga harus mengenal pasti apakah perkara sebenar yang menjadi punca pertelingkahan. Sebagai contoh, perkara sebenar yang menyakitkan hati kita ialah perbuatan suami yang suka membuat keputusan yang melibatkan wangnya dengan sendiri-sendiri sahaja, tanpa apa-apa perundingan. Umpamanya, satu hari kita dapat tahu dia belikan ibunya peti ais. Kita sakit hati, lalu kita mengkritik dia dengan mengatakan ibu tidak perlukan peti ais. Akibatnya pertengkaran pun tercetus. Isu sebenarnya ialah kita sakit hati terhadap cara dia membelanjakan wang gajinya. Peti ais ibunya hanyalah alasan yang kita gunakan untuk menyerang dia kerana rasa tidak puas hati kita terhadap sikapnya itu.

Sebaiknya dielakkan sikap membela dan mempertahankan kedudukan masing-masing. Apabila kita asyik membela diri kita sahaja, akibatnya kita tidak mahu bertolak ansur dan berlebih kurang. Ego mula menguasai diri untuk menegakkan benang basah dan akhirnya soal masalah yang menjadi punca awal pertengkaran. Sebagai contoh,

“Saya isteri awak. Tentulah saya ada hak tahu, ke mana pergi duit gaji awak?” atau “Saya suami. Awak jangan cabar saya.” atau pun “Kita suami isteri. Apa salahnya kalau awak serahkan semua gaji awak biar saya jaga?”

Apabila berselisih faham, soal emosi memang tidak boleh dielakkan. Kita boleh bawa masuk emosi ke dalam pertengkaran, tetapi jangan menuduh. Tidak sesuai digunakan gaya bahasa “awak”, sebaliknya gunakan gaya bahasa “saya.” Contoh ayat:

“Awak memang dah bosan dengan saya. Mentang-mentang saya dah tua, awak mula nak cari lain.”

Diganti dengan, “Saya rasa seolah-olah saya ni dah tak berguna lagi pada awak, maklum saya sekarang dah tua.”

Teknik-teknik yang betul dalam berkomunikasi boleh dipelajari seperti faktor bahasa dalam percakapan. Bahasa yang digunakan tidak akan menyakitkan hati orang yang mendengarnya. Seperti contoh di bawah:-

Suami: “Mah, kenapa ikan ni masin sangat?”

Isteri : “Taklah. Saya letak sikit saja garam.”

Suami: “Saya kata masin, masinlah. Takkan awak tak percaya cakap saya?”

Isteri : “Awak nak makan, makan! Kalau tak nak makan, sudah!”

Suami: “Awak ni, kenapa? Cakap sikit pun tak boleh?”

Isteri : “Awak tu, kenapa? Asyik komplek saja ...

Kalau saya masak, masinlah, itulah, inilah.

Selain dari itu pakar-pakar psikologi memberi panduan kepada suami dalam menghadapi kerenah para isteri. Antara panduan itu ialah:-

a)Kawal emosi sendiri - Suami hendaklah mengawal perasaan marah sendiri kalau kita tidak dapat membuat isteri kita mengawal marahnya.

b)Jauhkan diri – Kalau hati sakit, pergilah keluar rumah, mungkin selama setengah jam, atau beberapa jam. Sebelum keluar, katakan kepadanya bahawa kita pergi kerana hendak mengawal perasaan kita sendiri.

c)Mengalah sedikit – Kalau kita mengalah semua, ia boleh menimbulkan kesan negatif kepada dia dan kepada diri kita sendiri. Kalau dia dapat menang semua, nanti lain kali tabiat buruknya akan bertambah buruk. Dia bertambah yakin bahawa dengan cara marah-marah, dia dapat mengalahkan kita.

d)Jangan dilayan – Apabila dia berlakon pura-pura pitam, hilang akal, dirasuk hantu, atau sesak nafas, jangan dilayan. Emosi marah tidak boleh menyebabkan gangguan mental dan fizikal jenis itu! Apabila tidak dilayan, dia akan sembuh sendiri. Kalau dilayan, lain kali lakonannya akan diulang dengan lebih hebat lagi.

Kaedah diagnostik functional analisis fungsi adalah satu kaedah yang agak kukuh dalam mencari punca-punca permasalahan keluarga. Ini merupakan kaedah yang diperkenalkan oleh behavioristic family therapy (terapi keluarga berpendekatan behavioristik) dalam mencari punca dan cara permasalahan keluarga berlaku. Kaedah ini memerlukan ahli keluarga memiliki beberapa kemahiran tertentu seperti berikut bagi menilai sesuatu permasalahan yang dihadapi:

1.menilai bentuk sesuatu tingkah laku yang dikatakan bermasalah.

2.memberi pengertian terperinci secara lebih objektif terhadap tingkah laku yang bermasalah itu

3.memberi gambaran persekitaran atau peristiwa yang boleh menimbulkan tingkah laku bermasalah itu.

4.menilai kesan sampingan daripada tingkah laku yang bermasalah itu ke atas individu yang terbabit, ahli keluarga dan masyarakat sekitar.

5.memiliki keupayaan untuk berkomunikasi dan menyampaikan maklumat tentang masalah tersebut kepada orang lain dalam bentuk yang lebih bersifat mendidik.

3.HASIL DARIPADA SOSIALISASI; MORAL, SIKAP, NILAI DAN MOTIF.

Pada umumnya latar belakang di rumah, mudah mempengaruhi tingkah laku dan sikap murid di sekolah. Seandainya murid diasuh dengan pendidikan yang baik oleh ibu

bapa di rumah maka terjadilah unsur-unsur persamaan dan penyambungan dari segi nilai tersebut apabila mereka berada di sekolah.

Konsep sosialisasi

Mengikut Anthony Giddens (1974) proses sosialisasi ialah: "Is the process by which we acquire the culture of society into which we are born-the process by which we acquire our social characteristic and learn the ways of thought and behaviour consider appropriate in our society"

Dalam proses sosialisasi, perhubungan di antara individu dan masyarakat tidak boleh dipisahkan. Seseorang itu mempelajari dan memahami kebudayaan serta tingkah laku yang berkaitan dengan peranan sosialnya. Ibu bapa perlulah melibatkan diri dan menunjukkan tingkah laku yang positif terhadap anak-anak. Penglibatan ini adalah penting kalau tidak kanak-kanak akan menjadi bimbang, takut, ingin memberontak dan tidak berani untuk menghadiri diri dalam kelompok sosial dan rakan sebaya. Tugas ini adalah mencabar dan ibu bapa perlulah memahami jiwa dan emosi anak-anak sejak kecil lagi.

Agen-agen sosialisasi

Kanak-kanak sejak kecil lagi telah dikelilingi oleh agen-agen sosialisasi termasuklah ibu bapa, pengasuh dari tadika dan juga dari keluarga yang terdekat. Apabila mereka di bangku sekolah, agen sosialisasi telah bertambah banyak seperti sekolah sendiri, rakan sebaya dan persatuan yang mereka cemburi. Keluarga memainkan peranan yang penting dalam pembentukan tingkah laku, sikap, nilai, motif, kepercayaan, personality dan kemahiran yang tertentu. Perhubungan yang baik akan membentuk ikatan kekeluargaan dan kemasyarakatan yang kukuh.

Jean Piaget ahli psikologi terkenal berpendapat bahawa pembentukan personality seseorang ialah berdasarkan empat perkembangan kognitif seseorang, iaitu 0-2 tahun, 2-6 tahun, 6-12 tahun dan 12-15 tahun. Sekiranya seseorang kanak-kanak dapat melalui perkembangan proses sosialisasi tersebut dengan teratur maka dapatlah ia menyesuaikan diri dengan masyarakat.

Sikap

Apabila seseorang itu baik hati, mudah sesuai, boleh bertolak ansur, peramah, gembira dan suka bergaul, ia dianggap mempunyai sikap yang diingini. Kualiti sikap berbeza dari segi kehebatan mengikut kekuatan rangsang dan keadaan fizikal, mental dan emosi manusia itu sendiri. Sikap adalah berjangkit, kanak-kanak merupakan peniru besar dalam sikap. Ini boleh dilihat semasa mereka diajar. Mereka belajar banyak daripada sikap mereka daripada ibu bapa, guru dan rakan yang lebih besar.

Pada persekitaran kanak-kanak dirangsang oleh pengaruh yang memberi kesan kepada sikap sama ada secara yang didingini atau tidak diingini. Rancangan radio dan televisyen serta media cetak memberi sumbangan kepada perkembangan sikap.

Sikap, hasil sampingan yang menjejaskan pengalaman seseorang individu mempunyai asasnya pada desakan dalaman, tabiat yang dipelajari, dan pengaruh alam sekitar yang mengelilinginya.

Sikap bertumbuh dan berkembang, seperti juga lain-lain corak tingkah laku mental dan emosi dari segi tindak balas seseorang individu terhadap alam sekitarnya. Sikap adalah juga mengubah corak perkembangan orang itu sambil dia terus mengalami bertolak ansur antara dirinya dengan ibu bapanya, gurunya dan rakannya.

Motif

Motif menggalakkan seorang pelajar dalam kegiatan belajarnya. Kanak-kanak yang baru masuk sekolah boleh dirangsang supaya menunjukkan kerja yang baik melalui pujian daripada guru, menerima pingat atau ganjaran ekstrinsik.

Seorang pemuda mungkin terus membuka halaman sukan. Seorang lelaki yang lebih tua mungkin pada laporan pasaran saham. Halaman wanita mungkin menarik perhatian seorang ibu, sementara kanak-kanak pula asyik membaca komik. Ini menunjukkan bahawa manusia pada semua peringkat umur bertindak balas mengikut motif atau minat khas mereka.

Motif sebagai pengarah tingkah laku sangatlah penting dalam proses pembelajaran. Pelajar mesti dibantu supaya mahu belajar akan sesuatu yang perlu di pelajarinya. Kalau selagi pelajar tidak dipimpin supaya dapat memahami akan tujuan dalam gerak kerja belajarnya, maka kemungkinannya dia tidak berjaya. Motif sebagai penggiat, pemilih dan pengarah gerak kerja adalah berkait rapat dengan minat dan sikap.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan, 2000. *Psikologi Asuhan Keluarga*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors
- Abdullah Hassan, 1999. *Kemahiran Menyelesaikan Krisis Rumah tangga*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Azizi Hj. Yahaya (1999) *Pembentukan Konsep Kendiri pelajar dan hubungannya dengan pencapaian Akademik*. Kertas kerja (Seminar Pendidikan Peringkat Antarabangsa). Anjuran UUM
- Crow dan Crow, 1980. *Psikologi pendidikan untuk perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hassan Hj. Mohd Ali, 1996. *Checklist Keluarga Bahagia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributor.
- Marimuthu, T. 1990. *Pengenalan Sosiologi Pendidikan*. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti.
- Mohd Salleh Lebar, 1998. *Sosiologi Sekolah dan Pendidikan*. Selangor: Thinker's Library.
- Rahmat Ismail, 1997. *Kemahiran Kekeluargaan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Wan Abdul Halim, 1989. *Keibubapaan Ke arah Membina Keluarga*. Kuala Lumpur: Lembaga Pendidikan & Pembangunan Keluarga Negara.